

KESAN ‘MOZART’ DAN TEKNIK PCRPP DALAM PEMBELAJARAN PENULISAN KARANGAN NARATIF

*'Mozart' Effect and Pcrpp Technique in
The Learning of Narrative Essay Writing*

*Abdul Matiin Kassim
abdul_matiin_kassim@moe.edu.sg*

*Sekolah Menengah Changkat Changi
Singapura*

ABSTRAK

Pelajar sering menghadapi kesukaran semasa hendak memulakan penulisan karangan naratif. Hal ini berlaku kerana mereka kurang arif tentang teknik penulisan. Tambahan pula, tahap minat yang rendah terhadap penulisan juga menghambat pelajar untuk mengikuti pelajaran dengan berkesan. Justeru, kajian ini menggunakan Kesan ‘Mozart’ untuk menzahirkan motivasi dalam kalangan pelajar semasa mengikuti pembelajaran penulisan karangan naratif. Pelajar dilibatkan dalam aktiviti menyanyi sambil memahami teknik PCRPP. Secara tidak langsung aktiviti nyanyian juga membantu pelajar untuk memanfaatkan lirik-lirik lagu bagi menghasilkan penulisan naratif yang bersifat kreatif. Teknik PCRPP membantu pelajar menjana idea dan mengaitkan lirik lagu dengan jalan cerita yang bakal ditulis. Hasil kajian menunjukkan bahawa Kesan ‘Mozart’ dan teknik PCRPP membantu pelajar menghasilkan bahagian pendahuluan, isi dan penutup karangan naratif yang kreatif.

Kata kunci: Kesan ‘Mozart’; menjana idea; kreatif; teknik PCRPP; menyanyi

ABSTRACT

“Teacher how do I start writing?” question that was asked regularly by students prior to writing a narrative composition because they do not acquire the writing technique required. In addition, low interest towards writing hinders students to follow writing lessons in class. With that, this research is making use of the ‘Mozart’ effect to instill motivation in students towards the learning of writing narrative composition. It is done by allowing students to sing in class while learning and understand the writing technique PCRPP. Singing activity aids students to fully utilise song lyrics to write narrative composition creatively. The PCRPP technique also helped students to craft out ideas and linking song lyrics with the story line of their narrative writing. Results from this research shows that the Mozart effect and PCRPP technique do aid students to produce introduction, development and conclusion of narrative composition creatively.

Keywords: ‘Mozart’ effect; craft out ideas; creative; technique PCRPP; singing

PENGENALAN

Kajian ini dijalankan melalui pengajaran penulisan karangan naratif kepada pelajar Menengah 3 aliran Ekspres. Kelas tersebut mempunyai 31 orang pelajar yang mana 90% lebih cenderung kepada menjawab soalan karangan berbentuk naratif semasa peperiksaan. Tambahan lagi, 95% pelajar menyifatkan pembelajaran penulisan karangan naratif amat membosankan. Kenyataan ini menjadi punca utama yang mengakibatkan pelajar gagal memberi perhatian untuk mengikuti pengajaran penulisan karangan naratif.

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pengajaran penulisan karangan naratif yang mengaplikasikan teknik Kesan ‘Mozart’. Dengan menggunakan teknik tersebut, 80% daripada pelajar tersebut mengakui mereka lebih berminat untuk mengikuti pengajaran penulisan karangan naratif dan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Ini dilakukan, dengan menggunakan wadah seperti muzik dan lagu Melayu semasa pengajaran. Muzik dan lagu dipilih digunakan dalam

pengajaran secara inovatif untuk memastikan pembelajaran penulisan karangan naratif tidak membosankan untuk pelajar-pelajar Menengah 3 Ekspres.

Justeru, kajian ini menumpukan Kesan '*Mozart*' dalam pengajaran penulisan karangan naratif. Pelajar menjadi lebih berminat untuk mengikutinya dan pelajar mampu mempelajari teknik penulisan yang kreatif dengan lebih menarik. Ini dilakukan melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti nyanyian. Teknik penulisan yang dimaksudkan ialah PCRPP yang dimanfaatkan pelajar untuk menjana idea secara kreatif.

Kajian ini penting dijalankan bagi memastikan pelajar tidak menghasilkan penulisan karangan naratif yang tidak bersifat kreatif. Penggunaan lirik lagu dalam penulisan karangan naratif memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan kosa kata yang terkandung dalam lirik lagu untuk menjana idea penulisan secara kreatif. Pada masa yang sama kajian ini memberi gambaran bahawa pelajar mampu menjana idea yang kreatif dengan lebih mudah setelah menggunakan teknik PCRPP. Selain itu, kajian ini memberi gambaran kepada pendidik Bahasa Melayu bahawa penggunaan muzik dan lagu Bahasa Melayu dan aktiviti nyanyian sememangnya mampu menarik perhatian pelajar terhadap pembelajaran penulisan karangan naratif.

TUJUAN KAJIAN

Raimes (1983) mencadangkan beberapa pendekatan penulisan. Di antara pendekatan penulisan yang lazim digunakan kebanyakan guru adalah pendekatan bebas yang memberi peluang kepada pelajar untuk menulis karangan yang mengutamakan isi kandungannya. Pendekatan ini melibatkan pelajar menggunakan bahan-bahan tambahan seperti majalah, keratan akhbar dan bahan rujukan yang lain untuk membantu penulisan naratif mereka.

Berlandaskan pendekatan bebas tersebut, kajian ini menyelitikan teknik Kesan '*Mozart*' untuk mempertingkatkan cara pengajaran penulisan naratif di dalam kelas secara inovatif dan kreatif. Lagu-lagu berbahasa Melayu digunakan di dalam pengajaran yang melibatkan pelajar dalam sesi nyanyian agar pelajar terdedah dengan lirik lagu yang kaya dengan kosa kata. Kosa kata di dalam lirik lagu adalah bahan rujukan yang mampu membantu pelajar menulis idea-idea mereka dengan baik. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk :

1. Meneliti kemampuan teknik Kesan '*Mozart*' bagi melahirkan motivasi dalam kalangan pelajar untuk mengikuti pembelajaran penulisan karangan naratif; dan
2. Melihat kemampuan teknik PCRPP membantu pelajar menghasilkan bahagian pendahuluan, perkembangan dan penutup karangan naratif yang kreatif.

PERNYATAAN MASALAH

Isu utama yang ingin dikaji adalah mencari teknik pengajaran yang mampu membuat pelajar dapat mengikuti pengajaran penulisan karangan naratif secara aktif. Melalui tinjauan yang dilakukan, data di bawah memberi gambaran bahawa 74% menyifatkan pengajaran penulisan karangan naratif di dalam kelas sukar diikuti. Justeru, kajian ini berusaha meneliti teknik Kesan '*Mozart*' dan teknik PCRPP untuk mengurangkan peratusan pelajar yang menganggap pengajaran penulisan karangan naratif sukar diikuti.

Isu yang dikenal pasti di atas amat penting ditangani. Alasannya adalah, tanpa pengajaran penulisan karangan naratif yang berkesan, pelajar tidak mampu menggarap kemahiran yang ingin disampaikan dalam pengajaran. Apabila hal ini berlaku, sukar bagi seorang pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran menulis atau teknik yang diajarkan dalam pengajaran. Ini memberi ruang kepada masalah lain seperti penulisan karangan naratif yang tidak kreatif untuk timbul. Pelajar sering kali menghadapi masalah untuk menghasilkan karangan naratif yang bermutu. Lazimnya, pelajar-pelajar memberikan jalan cerita yang hampir serupa, membosankan dan tidak bersifat kreatif. Pelajar tidak mampu menghasilkan pendahuluan, isi mahupun penutup karangan naratif yang menarik. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga bertujuan menghasilkan suatu teknik penulisan yang

bukan sekadar kreatif malah mudah untuk diaplikasikan.

Dengan itu, kajian ini dilakukan dengan menyelitikan aktiviti yang bukan sekadar menarik minat pelajar, malah menyediakan aktiviti yang mempunyai unsur yang berkaitan rapat dengan kehidupan seharian pelajar dalam pengajaran penulisan karangan naratif. Melalui tinjauan yang dilakukan pengkaji, apabila ditanya tentang aktiviti yang dilakukan pelajar semasa dalam perjalanan ke sekolah, 64% pelajar memilih untuk mendengar muzik semasa dalam perjalanan ke sekolah. Dengan ini, muzik dan lagu Bahasa Melayu dipilih sebagai wadah utama dalam pengajaran penulisan karangan naratif untuk melahirkan daya tarikan dalam pembelajaran dalam kalangan pelajar.

KAJIAN LEPAS

Kajian lepas membuktikan bahawa muzik klasik seperti muzik Mozart mampu mengurangkan tekanan dan penderitaan yang dilalui seseorang pesakit. Pernyataan tersebut dibuktikan melalui kajian yang pernah dikendalikan oleh Stratton (1992); Lord & Garner (1993) yang mana menyimpulkan muzik mampu meringankan dan mengurangkan tekanan dalam kalangan orang yang mendengarnya. Tambahan lagi, dicukngkil daripada (Indonesia Post, 2000), penelitian terhadap muzik telah menunjukkan bahawa rawatan muzik cukup berkesan untuk melatih berjalan di kalangan pesakit angina ahmar semasa melalui proses pemulihan. Kesan Mozart bukan sekadar dimanfaatkan di dalam dunia perubatan malahan dalam aspek lain seperti dunia pendidikan.

“The Mozart effect can be explained simply: enjoyable stimuli induce positive affect and heightened levels of arousal, which lead to modest improvements in performance on a variety of tasks”.

(Hussain, Thomson, dan Schellenberg, 2001)

Dapatan tersebut juga disokong oleh Nantais dan Schellenberg (1999) yang mengkaji dan menilai perbandingan pencapaian murid setelah mendengar lagu dan duduk diam di dalam kelas. Hasil dapatan daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar meraih markah yang lebih memuaskan setelah mereka mendengar lagu di dalam kelas. Abas Mohd Shariff (2006) juga berpendapat bahawa aktiviti nyanyian boleh menarik minat murid-murid dan aktiviti nyanyian juga mampu mendidik pelajar dalam segi aspek-aspek bahasa seperti struktur ayat dan perbendaharaan kata.

Berdasarkan kajian lepas yang dinyatakan di atas, jelas sekali bahawa penggunaan lagu dan muzik dalam pembelajaran mampu membawa kesan positif dalam kalangan pelajar. Antara beberapa kesan positif yang dimaksudkan adalah kecenderungan pelajar untuk mengikuti sesebuah pembelajaran dan juga melaksanakan tugas yang diberikan dengan penuh motivasi dan semangat.

KAEDAH KAJIAN

Berlandaskan pendekatan bebas tersebut, kajian ini menyelitikan teknik Kesan ‘Mozart’ untuk mempertingkatkan cara pengajaran penulisan naratif di dalam kelas secara inovatif dan kreatif. Lagu-lagu berbahasa Melayu digunakan di dalam pengajaran yang melibatkan pelajar dalam sesi nyanyian agar pelajar terdedah dengan lirik lagu yang kaya dengan kosa kata. Kosa kata di dalam lirik lagu adalah bahan rujukan yang mampu membantu pelajar menulis idea-idea mereka dengan baik.

SUBJEK KAJIAN

Kajian dijalankan dalam bentuk eksperimental terhadap kelas Bahasa Melayu yang terdiri daripada 31 orang pelajar Menengah 3 Ekspres. Pelajar yang terlibat rata-rata mempunyai kelemahan dalam penulisan karangan Naratif. Ini terbukti melalui markah ujian diagnostik yang menunjukkan bahawa

20% daripada pelajar tersebut meraih 15 hingga 20 markah, 64% daripadanya meraih 20 hingga 25 markah dan 16% daripadanya pula meraih 25 hingga 30 markah. Data tersebut menggambarkan pelajar yang terlibat dalam kajian tidak mampu menghasilkan penulisan yang bersifat kreatif untuk membantu mereka menghasilkan penulisan yang bermutu.

INSTRUMEN KAJIAN

Pengkaji menggunakan beberapa instrumen kajian, iaitu ujian diagnostik, kertas kerja untuk tugas kumpulan dan ujian pasca kajian. Dapatan yang diraih daripada ujian diagnostik dan ujian pasca kajian telah dimanfaatkan untuk meneliti pencapaian pelajar. Pengkaji membandingkan markah-markah para pelajar setelah mengambil ujian diagnostik dan ujian pasca kajian untuk mengukur kemampuan teknik PCRPP dalam membantu pelajar menghasilkan penulisan karangan naratif yang bersifat kreatif. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan aktiviti karaoke dan aktiviti menulis sambil mendengar untuk menilai tahap penglibatan dan kecenderungan pelajar untuk mengikuti pelajaran penulisan karangan naratif. Ini dilakukan melalui pemerhatian guru dan juga borang tinjauan berasaskan aktiviti pelajaran yang perlu diisi pelajar.

PROSEDUR KAJIAN

Tahap pertama kajian melibatkan pelajar Menengah 3 Ekspres yang menjalani ujian diagnostik karangan naratif. Markah pelajar bagi ujian diagnostik telah pun dibincangkan di atas. Guru menyenaraikan jenis teknik yang digunakan pelajar. Kebanyakan pelajar tidak menggunakan teknik kreatif dalam penulisan. Rajah 1 di bawah ini menunjukkan peratusan pelajar yang menggunakan jenis teknik kreatif semasa ujian diagnostik.



RAJAH 1. Penggunaan Teknik Kreatif dalam kalangan Pelajar untuk Ujian Diagnostik

Tahap kedua kajian pula melibatkan pelajar mengikuti pengajaran guru tentang teknik PCRPP yang melibatkan penggunaan aktiviti nyanyian semasa sesi induksi dan sesi aktiviti kumpulan. Di samping itu, pelajar berpeluang melakukan aktiviti individu bagi menilai tahap pemahaman mereka untuk menulis lirik lagu dalam penulisan karangan. Aktiviti dilakukan dengan memberi ruang kepada pelajar untuk mendengar lagu menggunakan alat telefon bijak lantas menulis satu perenggan yang berkaitan dengan lirik lagu pilihan.

Tahap ketiga merupakan sesi ujian pascakajian yang memerlukan pelajar mengaplikasikan penulisan lirik dalam karangan naratif. Pada akhir ujian, pelajar menjawab borang kaji selidik. Data daripada borang ini akan dijadikan bahan perbincangan pada bahagian dapatan kajian dan perbincangan.

Tahap terakhir pula, pengkaji meneliti dan melakukan perbandingan markah antara ujian diagnostik dan ujian pasca kajian. Data tersebut amat berguna untuk meneliti peningkatan daripada segi mutu penulisan karangan naratif para pelajar setelah mengaplikasikan teknik PCRPP. Ia juga bermanfaat untuk meneliti keberkesanan Kesan 'Mozart' terhadap pembelajaran pelajar semasa pengajaran penulisan karangan naratif dijalankan.

KEBERKESANAN KESAN 'MOZART'

Bahagian kertas kerja ini akan menerangkan kemampuan Kesan 'Mozart' untuk menarik perhatian pelajar bagi mengikuti pengajaran penulisan karangan naratif seawal bahagian induksi pengajaran. Bahagian tersebut melibatkan pengkaji memulakan sesi pengajaran dengan menyanyikan sebuah lagu. Hasil dapatan boleh dilihat melalui Rajah 2 yang diraih selepas kajian dijalankan.



RAJAH 2. Kecenderungan Pelajar untuk Mengikuti Pengajaran


84% daripada pelajar yang dikaji menyatakan mereka berasa amat ghairah pada awal pengajaran. Dapatan ini selari dengan kenyataan Kay'O Sullivan dan Griffith College Cork (2010) yang menyatakan,

"Music played at the beginning of a lecture or class can have a number of functions. It should create a positive mood as students come into the class; as the students will be moderately aroused at this point, it need not be overly stimulating".

Semasa sesi induksi pengajaran, pengkaji menyanyikan lagu daripada kumpulan 'Ungu' yang bertajuk "Demi Waktu". Lagu tersebut mempunyai tempo dan rentak lagu yang mampu menimbulkan keghairahan dalam kalangan pelajar untuk mengikuti sesi pengajaran tersebut. Ini menunjukkan dengan adanya unsur muzik dan nyanyian, Kesan 'Mozart' mampu meningkatkan tahap minat pelajar untuk mengikuti pengajaran penulisan karangan naratif.

Selain itu, aktiviti utama pengajaran iaitu sesi karaoke pula melibatkan pelajar untuk melakukan tugas kumpulan. Setiap kumpulan diberikan lirik lagu yang berbeza dan dikehendaki menghasilkan satu perenggan yang lengkap berdasarkan lirik yang diberikan dan mengaplikasikan teknik PCRPP.


Pengkaji memanfaatkan Kesan 'Mozart' dengan mengarahkan seorang wakil daripada setiap kumpulan untuk menyanyikan lagu yang diberikan sebelum membentangkan hasil tugas kumpulan. Melalui pemerhatian pengkaji, ahli kumpulan lain memberi perhatian yang sepenuhnya kepada rakan yang ingin menyanyi sebelum melakukan pembentangan. Pernyataan ini selari dengan Rajah 3 yang boleh dilihat di bawah ini.



RAJAH 3. Data Mengenai Keberkesanan Sesi Karaoke Terhadap Pemahaman Murid Tentang Teknik PCR

Dapatan di atas jelas membuktikan bahawa sesi karaoke berjaya memanfaatkan Kesan ‘Mozart’ agar pelajar lebih memahami teknik PCRPP dan juga memberi perhatian sepenuhnya ketika rakan melakukan pembentangan. Dalam erti kata lain, setiap pelajar mengikuti bahagian pembelajaran tersebut dengan penuh fokus kerana berasa ghairah untuk mendengar rakan menyanyikan lagu yang diberikan. Hanya seorang pelajar sahaja yang bukan penutur jati bahasa Melayu menyifatkan sesi karaoke tersebut sebagai aktiviti yang mampu membantunya mengikuti pelajaran. Didapati, pelajar tersebut tidak pernah mendengar lagu bahasa Melayu dan mempunyai kepayahan memahami lirik-lirik lagu yang dinyanyikan. Oleh itu, dapat dikatakan aktiviti sedemikian tidak membawa manfaat kepada pelajar yang lemah daripada segi pemahaman dan penguasaan Bahasa Melayu.


Bagi aktiviti individu pula, pelajar mendengar lagu yang dipilih melalui telefon bijak sambil menulis satu perenggan karangan naratif dengan mengaplikasikan teknik PCRPP. Menurut pemerhatian pengkaji, cara ini mampu membuahkan motivasi kepada pelajar untuk mula menulis. Hal ini dibuktikan melalui Rajah 4. Pelajar menyifatkan aktiviti individu tersebut sebagai aktiviti penulisan yang mampu memberi semangat kepada pelajar untuk menulis karangan semasa mendengar lagu dipilih.



RAJAH 4. Peratusan Pelajar yang Menganggap Mendengar Lagu sambil Menulis Membantu dalam Penulisan


KESAN TEKNIK PCRPP DALAM PENULISAN KARANGAN NARATIF

Setelah menarik perhatian pelajar pada sesi induksi pengkaji menggunakan lirik di dalam korus lagu bertajuk 'Demi Waktu' bagi menerangkan teknik PCRPP. Bahagian pengajaran ini memberi peluang kepada pelajar untuk menulis pendahuluan, perkembangan atau penutup karangan naratif mereka dengan mudah. Setiap huruf melambangkan satu potong ayat yang berkaitan dengan lirik lagu yang dipilih pelajar. Penjelasan di atas boleh dilihat melalui Rajah 5 di bawah ini.



RAJAH 5. Penjelasan Mengenai Teknik PCRPP

Berdasarkan teknik di atas, P (Penyanyi), pelajar membina sepotong ayat yang menyatakan nama penyanyi yang menyanyikan lirik lagu tersebut. C (Cara) pula, pelajar menulis sepotong ayat tentang bagaimana watak dalam karangan mendengar lagu dinyanyikan penyanyi. R (Reaksi) menggambarkan perasaan atau tindak laku watak semasa mendengar lagu tersebut. P (Peristiwa lama) menerangkan watak mengimbas kembali tentang peristiwa lama yang berkaitan dengan lirik lagu yang didengarkan. P(Peristiwa kini) menggambarkan peristiwa yang dilalui watak pada masa kini yang telah berubah dan berbeza daripada peristiwa lama telah dilalui watak. Teknik tersebut direka pengkaji untuk memudahkan pelajar mengaplikasikan teknik kreatif agar penulisan tidak membosankan. Dapatan melalui Rajah 6 menggambarkan 90% daripada pelajar mengakui teknik PCRPP mudah diaplikasikan dan pelajar akan menggunakan teknik tersebut dalam penulisan.



RAJAH 6. Pendapat Pelajar Tentang Penggunaan Teknik PCRPP

Hasilnya, pelajar yang mengaplikasikan teknik PCRPP juga memanfaatkan kosa kata dalam lirik lagu bagi menghasilkan ayat untuk menerangkan P (Peristiwa kini) dan juga P (Peristiwa lama). Sehubungan dengan hasil contoh penulisan pelajar di atas, hanya 77% pelajar menyifatkan teknik tersebut sebagai teknik yang boleh membantu pelajar untuk menghasilkan pendahuluan, perkembangan atau penutup karangan naratif. Ini terbukti melalui Rajah 7 yang boleh dilihat di bawah ini.

Didapati bahawa kumpulan pelajar yang tidak akan mengaplikasikan teknik tersebut memberi alasan yang mana pelajar tidak mengetahui apa-apa jenis lagu bahasa Melayu dan mereka tidak gemar mendengarnya.



RAJAH 7. Peratusan Pelajar yang akan Mengaplikasikan Teknik PCRPP

Secara keseluruhan, teknik PCRPP berhasil membantu pelajar meningkatkan mutu penulisan karangan naratif. Kajian berupaya meneliti bahawa markah pelajar untuk penulisan karangan naratif pada pasca kajian menggambarkan petanda yang positif. Rajah 6 di bawah membuktikan, teknik penulisan PCRPP mampu meningkatkan markah pelajar dan juga membantu seseorang pelajar untuk mendapat markah lulus.

JADUAL 1. Peratusan Pencapaian Pelajar

Markah	Peratusan pelajar untuk ujian diagnostik	Peratusan pelajar untuk ujian pasca kajian
15-19	20	3
20-25	64	43
26-30	16	45
31-35		9

Secara keseluruhannya, pelajar yang masih gagal dalam ujian pascakajian merupakan pelajar yang tidak menggunakan teknik kreatif yang diajarkan. Didapati, pelajar tersebut merupakan pelajar yang tidak mendengar lagu bahasa Melayu langsung dan tidak cenderung untuk mengaplikasikan teknik tersebut. Selain itu, ada segelintir pelajar masih tidak menunjukkan peningkatan daripada segi markah kerana teknik PCRPP tidak diaplikasikan dengan sebaiknya. Pelajar daripada golongan itu didapati memilih lirik lagu yang mengandungi kosa kata yang sukar untuk ditafsirkan. Justeru, penulisan pelajar sedemikian berdasarkan lirik yang kompleks tidak menunjukkan kaitan antara lirik lagu dan perenggan yang dihasilkan.

KESIMPULAN

Melalui kajian, aktiviti pembelajaran dan penelitian yang dikendalikan, kajian ini menunjukkan pelajar yang tidak mendengar lagu dalam bahasa Melayu memerlukan pendedahan terhadap lagu bahasa Melayu sebelum didedahkan dengan teknik PCRPP. Banyak ruang dan masa perlu diluahkan untuk golongan pelajar tersebut agar mereka mampu mengaplikasikan teknik PCRPP dalam penulisan karangan naratif dengan baik. Di samping itu, golongan pelajar yang sering kali terdedah dengan lagu bahasa Melayu menunjukkan peningkatan dalam menghasilkan karangan naratif yang bermutu dan kreatif. Oleh itu pengkaji mengharapkan bahawa teknik pengajaran yang dikendalikan dapat dipraktikkan agar pelajar lebih bermotivasi untuk mengikuti pengajaran penulisan karangan naratif dan juga menghasilkan karya yang bersifat kreatif.

RUJUKAN

- Lord, T.R. & Gardner, H. (1993). Effects of music on Alzheimer patients. *Journal Perceptual and Motor Skills* 76: 451-455.
- Nantais, K. Schellenberg, E .G. (1999). The Mozart effect: an artefact of preference. *Psychological Science* 10 (4): 370-373.
- Raimes, Ann (1983). *Techniques in teaching writing*. USA: Oxford University Press.
- Shariff, A. M. (2006). *Strategi Pengajaran & Pembelajaran*. Singapore, Joo Chiat Place: Alfa Media.
- Stratton, V. N. (1992). Influence of music and socializing on perceived stress while waiting. *Journal Perceptual and Motor Skills* 75: 334.
- Sullivan, K. O., & Cork, G. C. (2010, January). The Mozart effect in the classroom. Retrieved January 1, 2015, from <http://icep.ie/wpcontent/uploads/2010/01/OSullivan>

